



Ministry of Industry and Primary Resources

**Sembah Alu-Aluan  
Yang Berhormat  
Pehin Orang Kaya Seri Utama  
Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan  
Mudim Dato Paduka Haji Bakar,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama  
di  
Majlis Penyampaian Anugerah Nasional SME Kali  
Pertama,  
Negara Brunei Darussalam**

Hari Selasa,  
21 Februari 2012M / 28 Rabiulawal 1433H

Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Berakas

**Bismillahir Rahmanir Rahim**  
**Alhamdulillahil Rabbil 'Alamin Wassalatu**  
**Wassalamu ala Asyrafil**  
**Mursalin Saidina Muhamaddin Wa'ala Alihi**  
**Wasahbihi Ajma'in**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh**

Mengadap Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Beribu Ampun,

Dengan segala hormat dan penuh takzimnya, hamba Duli Tuanku bagi mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis

Penyampaian Anugerah Nasional SME Kali Pertama, ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Penyampaian Anugerah Nasional SME Kali Pertama dan seterusnya berkenan untuk menyempurnakan penyampaian Anugerah pada pagi yang berkebahjikan ini.

Keberangkatan Duli Tuanku ini mencerminkan keperihatinan Duli Tuanku terhadap sumbangan sektor perusahaan kecil dan sederhana, yakni Small and Medium Enterprises (SME) dalam menjana pembangunan masa hadapan Negara Brunei Darussalam. Mudah-mudahan keberangkatan Duli Tuanku ini akan menjadi pemangkin perkembangan SME di Negara Brunei Darussalam.

Beribu Ampun,

Anugerah Nasional SME Kali Pertama ini adalah salah satu inisiatif pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei untuk melihat perusahaan kecil dan sederhana berkembang maju di Negara ini. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ingin menjadikan dekad 2010- 2020 ini sebagai DEKAD UNTUK MEMACU PERKEMBANGAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA.

Beribu Ampun,

Anugerah yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei ini diadakan pada setiap dua (2) tahun bersempena dengan sambutan

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hamba Duli Tuanku seterusnya ingin menyebarkan bahawa Anugerah Nasional SME Kali Pertama ini terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:

- Kategori pertama: Anugerah SME Bagi Jumlah Jualan Tahunan Melebihi 10 juta Ringgit Brunei (BND);
- Kategori kedua: Anugerah SME Bagi Jumlah Jualan Tahunan antara 5 juta ke 10 juta Ringgit Brunei (BND);
- Kategori ketiga: Anugerah SME Bagi Jumlah Jualan Tahunan di bawah 5 juta Ringgit Brunei (BND); dan
- Kategori keempat: Anugerah SME Bagi Perkhidmatan Sokongan Kepada Sektor Minyak dan Gas.

Beribu Ampun,

Sebanyak 27 syarikat tempatan telah menyertai pencalonan Anugerah Nasional SME Kali Pertama ini dan hasil daripada penghakiman awal, 15 syarikat telah disenaraipendekkan. Kriteria-kriteria penilaian mengambilkira beberapa aspek seperti: hasil jualan tahunan; prestasi kewangan; inovatif dan keunikan produk atau perkhidmatan syarikat; arah tuju/haluan strategik; strategi pentadbiran dan integriti syarikat; konsep perniagaan; penggunaan teknologi; berorientasikan eksport; dan tanggungjawab sosial korporat atau 'corporate social responsibility'.

Pemenang bagi kategori-kategori anugerah yang dipertandingkan, adalah mengikut tahap pemarkahan bagi kriteria-kriteria seperti berikut:-

Bagi Pemenang Anugerah Emas adalah bagi syarikat yang mendapat markah di antara 85 – 100 peratus;

Pemenang Anugerah Perak adalah bagi syarikat yang mendapat markah di antara 70 – 84 peratus; dan

Pemenang Anugerah Gangsa adalah bagi syarikat yang mendapat markah di antara 60 – 69 peratus.

Semoga dengan Penganugerahan ini akan memberi dorongan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ke arah kegiatan perusahaan yang berinovatif, berteknologi tinggi, berdayatahan, kompetatif dan mengamalkan pengurusan yang baik dan sempurna.

Anugerah Nasional SME ini mudah-mudahan juga akan memberi kesan positif kepada SME di mana syarikat-syarikat yang berjaya akan menjadi '*role model*' kepada syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha yang lain.

Beribu Ampun,

Hamba Duli Tuanku bagi pihak Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Penyampaian Anugerah Nasional SME Kali Pertama, dengan segala hormat dan penuh takzimnya sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Penyampaian Anugerah Nasional SME Kali Pertama ini.

Hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan bagi menyembahkan menjunjung kasih diatas keberangkatan Paduka-Paduka Adinda Duli Tuanku, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



Hamba Duli Tuanku juga menjunjung perkenan bagi menyembahkan menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; dan mengucapkan terima kasih diatas kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet; Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat; Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri; Tuan-Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar Ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap; Dif-Dif Kehormat; Peserta-Peserta Anugerah; dan Para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Hamba Duli Tuanku menjunjung ampun dan maaf jika terdapat sorok langkah dan tutur kata yang kurang manis yang tidak disenghajakan dalam mengendalikan atur cara keberangkatan Duli Tuanku di Majlis ini.

Sekian,           Wabillahit           Taufik           Walhidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Warabarakatuh.

Junjung Annugeraha.